

Direct Hospital Income Benefit Soalan Lazim

Takaful Ikhlas Family Berhad

No. Pendaftaran : (200201025412) (593075-U)

IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200, Kuala Lumpur.

Tel: 03 – 2723 9696 | Faks : 03 – 2723 9998 | Laman Sesawang: www.takaful-ikhlas.com.my

Ahli :



Manfaat-manfaat yang layak dibayar di bawah Sijil Takaful ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga hadnya. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas Family Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ) UNTUK *DIRECT HOSPITAL INCOME BENEFIT*

1. Apakah *Direct Hospital Income Benefit*?
 - *Direct Hospital Income Benefit* adalah pelan takaful perubatan dan kesihatan yang menyediakan pendapatan harian hospital sekiranya dimasukkan ke hospital. Produk ini tidak mempunyai elemen simpanan atau pelaburan.
2. Apakah kelebihan lain menyertai pelan ini?
 - Tiada pemeriksaan kesihatan diperlukan, hanya soalan kesihatan yang ringkas.
 - Produk patuh Syariah.
 - Layak untuk pengecualian cukai tertakluk kepada pengesahan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
3. Siapakah yang layak untuk menyertainya?
 - Sesiapa yang mempunyai kesihatan yang baik yang berusia antara 17 ke 55 tahun layak untuk menyertai pelan ini.
4. Adakah Sumbangan Takaful akan meningkat mengikut umur?
 - Sumbangan Takaful akan kekal sama sepanjang tempoh sijil. Walaubagaimanapun, kadar sumbangan tidak dijamin dan Takaful IKHLAS mempunyai hak untuk menyemak semula kadar tersebut pada masa hadapan dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari sebelum sebarang semakan.
5. Adakah produk ini melindungi prospek yang mempunyai keadaan sedia ada?
 - Tidak, kami tidak melindungi prospek yang mempunyai keadaan sedia ada.
6. Adakah bayaran Manfaat Takaful dijamin?
 - Bayaran Manfaat Takaful adalah dijamin tertakluk kepada semua maklumat yang diberikan adalah tepat dan lengkap. Manfaat Takaful akan dibayar dari Dana Risiko.
7. Bolehkah saya menyertai lebih daripada satu sijil *Direct Hospital Income Benefit*?
 - Ya, anda boleh menyertai lebih daripada satu sijil *Direct Hospital Income Benefit* selagi jumlah had amaun perlindungan untuk semua sijil tidak melebihi RM500.
8. Bolehkah saya mendapatkan sijil bersama dengan pasangan atau anak saya?
 - Tidak, pelan ini hanya untuk sijil individu.
9. Bagaimanakah saya membuat pembayaran sumbangan?
 - Kaedah pembayaran sumbangan yang diterima oleh kami adalah melalui kad kredit dan kad debit sahaja.
10. Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful saya sekiranya saya berubah fikiran?
 - Ya, anda boleh meminta pembatalan Sijil Takaful ini dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Takaful ini diserahkan kepada anda. Sumbangan Takaful kemudiannya akan dikembalikan kepada anda.

11. Adakah saya akan menerima apa-apa sekiranya saya membuat serahan Sijil Takaful saya?
 - Tidak, anda tidak akan menerima nilai serahan kerana produk ini tidak mempunyai elemen simpanan. Tarikh Kuat kuasa serahan anda akan bermula pada tarikh Sumbangan Takaful berikutnya.
12. Bagaimana saya tahu sekiranya permohonan saya berjaya?
 - Kami akan memaklumkan pemohon yang berjaya melalui e-mel untuk memaklumkan bahawa perlindungan telah berkuatkuasa. Sekiranya anda belum menerima pengesahan e-mel, sila hubungi kami di talian 03-2723 9696 untuk mengesahkan jika permohonan anda telah diluluskan.
13. Bagaimana untuk saya melantik penama?
 - Penamaan tidak terpakai untuk produk ini.
14. Bagaimana untuk saya membuat tuntutan?
 - Untuk tujuan tuntutan, anda hendaklah menghantar pemberitahuan secara bertulis kepada kami di alamat berikut:

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
Takaful Ikhlas Family Berhad
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South
No 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.
 - Sila rujuk [panduan tuntutan](#). Anda hendaklah melaporkan tuntutan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian. Anda boleh juga hubungi kami di 03-2723 9696 sepanjang waktu pejabat.
15. Siapakah yang boleh saya hubungi bagi perkhidmatan Sijil Takaful dan pertanyaan selepas saya menyertai pelan ini?
 - Sila hubungi Pusat panggilan Takaful Ikhlas Family Berhad di talian 03-2723 9696 atau e-mel pertanyaan anda kepada ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my
16. Apakah yang akan saya terima apabila pelan ini matang?
 - Anda tidak akan menerima nilai matang kerana produk ini tidak mempunyai elemen simpanan.
17. Bagaimanakah cara menukar kad kredit/debit saya yang digunakan untuk potongan sumbangan?
 - Anda perlu mengisi Borang Pengendorsan yang boleh didapati di laman sesawang Takaful IKHLAS dan serahkan kepada ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my
18. Bolehkah saya meminta untuk menukar Amaun Perlindungan saya selepas Sijil Takaful dikeluarkan?
 - Perubahan Amaun Perlindungan tidak dibenarkan selepas Sijil Takaful dikeluarkan.

19. Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

- Manfaat pendapatan hospital tidak akan dibayar jika kemasukan ke hospital adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh perkara-perkara berikut:-
 - a) Disebabkan oleh atau lanjutan daripada cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin; atau
 - b) Sebarang pelanggaran undang-undang oleh orang yang dilindungi atau kesalahan yang ditimbulkan olehnya; atau
 - c) Sebarang rawatan atau ujian yang berkaitan dengan AIDS atau kewujudan sebarang Virus Kurang Daya Tahan Penyakit dan semua jenis penyakit akibat hubungan kelamin; atau
 - d) Rawatan penjagaan harian, pembedahan kosmetik atau plastik, penjagaan dan rawatan gigi, perubahan jantina serta eksplorasi atau eksperimen pembedahan; atau
 - e) Berkaitan dengan kehamilan atau melahirkan anak; atau
 - f) Ujian atau rawatan berkaitan dengan ketidaksuburan, pencegah kehamilan, pemandulan, berkhatan atau sebarang jenis pengguguran disebabkan oleh masalah psikologi atau sosial, dan akibat daripadanya; atau
 - g) Produk ini tidak melindungi kemasukan ke hospital dalam tempoh menunggu kecuali disebabkan oleh kemalangan. Sebarang kemasukan ke hospital luar Malaysia adalah tidak dilindungi di bawah produk ini; atau
 - h) Sebarang keadaan sedia ada

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai lengkap pengecualian di bawah pelan ini.